

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 25 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 14

Keadaan jerebu makin pulih

KUALA LUMPUR - Keadaan jerebu di negara ini semakin pulih apabila sebanyak 59 kawasan mencatatkan penurunan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) daripada tahap tidak sihat kepada tahap sederhana semalam.

Berdasarkan bacaan yang dipaparkan menerusi laman web Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), sebanyak lapan kawasan yang merekod bacaan IPU tidak sihat juga menurun berbanding 33 kawasan setakat pukul 6 petang semalam.

Selain itu, kawasan Johan Setia, Selangor



MERCU tanda sekitar Kuala Lumpur boleh dilihat dengan jelas selepas bacaan IPU di ibu negara menunjukkan penurunan semalam berbanding beberapa hari lalu.

mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat paling tinggi iaitu 161, diikuti Seri Manjung, Perak iaitu 128.

Kawasan lain yang

mencatatkan IPU pada bacaan tidak sihat termasuk di Nilai (Negeri Sembilan), Banting (Selangor), dan Temerloh (Pahang).